

# Mesej tahun baru PM kepada rakyat

# Perlu beringat

BM 1 JAN 1995

**KUALA LUMPUR:** Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengajak rakyat Malaysia memulakan tahun 1995 dengan beringat bahawa keamanan dan kemakmuran yang mereka nikmati sekarang bukan kekal dengan sendirinya.

Serentak itu, Perdana Menteri juga merayu pegawai eksekutif, kesatuan sekerja dan pekerja supaya tidak memikirkan hari ini sahaja kerana ia boleh menjejaskan usaha kerajaan mengawal inflasi.

Dr Mahathir berkata, kemakmuran dan kebahagiaan hidup bergantung kepada pegangan nilai-nilai mulia, budaya yang sesuai dan tindakan waras yang boleh memelihara kebahagiaan dan kemakmuran secara lebih kekal.

"Pada hari berbahagia ini, marilah kita bersama-sama insaf, bersyukur

dan dengan itu sanggup membendung nafsu untuk kebahagiaan yang lebih kekal," katanya dalam perutusan tahun baru yang disiarkan menerusi RTM, dan TV3 malam tadi.

Beliau berkata, sedikit sebanyak kemakmuran dan harga barangan yang rendah dalam negara sekarang ialah hasil pelbagai dasar dan pendekatan yang diambil kerajaan.

"Kerajaan sudah mengurangkan cukai dan membentuk pelbagai pendekatan untuk mengawal inflasi dan membangunkan negara. Tujuan kerajaan ialah supaya sara hidup kita tidak meningkat. Tetapi, janganlah balasan kita ialah menuntut tambahan upah yang boleh menjejaskan usaha kerajaan mengawal inflasi," katanya.

Dr Mahathir berkata, kerajaan tidak mempunyai sebarang niat buruk apabila bertindak mengawal inflasi.

Kawalan inflasi juga tidak boleh dihadkan kepada kawalan harga barangan yang dijual sahaja, tetapi kawalan ke atas upah, baik bagi jawatan tinggi atau rendah.

Beliau juga menyatakan kebimbangan terhadap tuntutan gaji keterlaluan, terutama di kalangan eksekutif di Malaysia yang mendesak gaji puluhan ribu ringgit yang turut menyumbang kepada inflasi, sama seperti pekerja yang menuntut upah dinaikkan tanpa sumbangan kepada kenaikan produktiviti.

"Upah patut dinaikkan bersama dengan pertumbuhan ekonomi, tetapi tidaklah ke paras yang sama jika kita ingin mengelak inflasi," katanya.

Perdana Menteri berkata, kenaikan gaji sehingga 20 peratus yang diberikan baru-baru ini kepada satu kumpulan pekerja adalah jauh lebih ting-

gi daripada pertumbuhan ekonomi yang hanya lapan peratus dan ini akan tetap memburukkan ekonomi.

Beliau merujuk kepada kenaikan gaji di kalangan pekerja perkeranian di bank-bank di negara ini yang mendapat kenaikan gaji sebanyak 22 peratus.

"Mungkin perusahaan itu mampu, tetapi ini akan menyebabkan yang tidak mampu juga didesak supaya memberi kenaikan sama dan untuk melayan tuntutan, harga jualan khidmat atau barangan terpaksa dinaikkan dan kesannya ialah inflasi.

"Saya ingin merayu kepada pegawai eksekutif, kesatuan sekerja dan pekerja supaya tidak memikirkan tentang hari ini sahaja," katanya.

Menurutnya, kenaikan upah tidak

● LIHAT MUKA 2



# Rakyat perlu beringat

• DARI MUKA 1

---

menjadi masalah asalkan daya keluaran atau produktiviti meningkat, tetapi apa yang berlaku ialah tuntutan biasanya dibuat kerana orang lain mendapat kenaikan upah atau bonus tanpa mengambil kira produktiviti sendiri.

Dr Mahathir berkata, pendapatan yang tinggi dalam keadaan inflasi yang meningkat akan menyebabkan pendapatan yang bertambah tidak berupaya membeli lebih banyak barangan atau khidmat.

"Apalah gunanya membeli barangan yang sama dengan wang yang lebih banyak hanya kerana kita memiliki wang yang sudah bertambah," tanya beliau.

Mengenai sosial, Perdana Menteri berkata kerajaan dan rakyat daripada pelbagai kaum dan lapisan perlu berganding bahu dan berusaha untuk mengatasi masalah seperti gejala lepak, bohsia dan penyalahgunaan dadah.

Menurutnya, kerajaan boleh merancang dan mengadakan tindakan seperti program Rakan Muda untuk membendung, jika tidak pun menghapus masalah itu, tetapi ia tidak akan berjaya tanpa sokongan anggota masyarakat.

"Untuk menjayakan program Rakan Muda, sokongan dan penyertaan seluruh masyarakat, terutama ibu bapa adalah penting. Sementara anak-anak digalakkan menyertai program itu, tanggungjawab ibu bapa di rumah tidak boleh diabaikan.

"Kawalan berpatutan hendaklah dilakukan begitu juga didikan akhlak dan semaian budaya bangsa hendaklah diberi perhatian lebih serius. Jika ibu bapa yakin mereka boleh, maka tidaklah sukar untuk meyakinkan anak-anak bahawa mereka juga boleh," katanya.